

# Bicara santai siswa UPM, UNY

Institusi pengajian tinggi (IPT) tidak terkecuali menerima kesan disebabkan penularan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Kesan itu turut dihadapi mahasiswa yang selama ini aktif melakukan aktiviti di kampus.

Namun, aktiviti pelajar perlu diteruskan bersesuaian dengan norma baharu dan itu yang dilakukan kebanyakan IPT termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM).

Untuk terus memastikan pelajarnya kekal aktif, UPM melalui Sekretariat Kesukarelawanan dan Mobiliti Kolej Tujuh Belas mengadakan satu aktiviti secara maya iaitu bicara santai bertajuk 'Teaching in the New Norm: From Two Perspective.'

Menariknya, program ini membabitkan dua

negara iaitu Malaysia dan Indonesia melalui kerjasama Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) yang diadakan secara dalam talian.

Program 'Teaching in the New Norm: From Two Perspective' ini juga menjadi pembuka kepada kerjasama antara dua universiti pada masa hadapan.

Pengarah program Aidil Wajdi Rujhan berkata, aktiviti itu diadakan bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa mengenai gambaran situasi semasa pendidikan di peringkat antarabangsa dan cara mendepani cabaran itu dalam sesi pembelajaran secara maya.

"Sebagai mahasiswa, kita tidak seharusnya menjadikan pandemik ini sebagai penghalang untuk terus meningkatkan nilai



**PROGRAM 'Teaching in the New Norm: From Two Perspective'**  
**disertai pelajar dua negara.**

tambah pada diri dari pelbagai sudut.

"Menerusi penyertaan seramai 70 orang dari kedua-dua universiti, Kami amat teruja dengan sambutan yang menggalakkan dari mahasiswa, sekali gus menunjukkan bahawa mahasiswa masih dahagakan aktiviti bermanfaat," katanya.

Sementara itu, Pengetua

Kolej Tujuh Belas selaku penaung program, Profesor Madya Dr Jasronita Jasni berkata, penganjuran program itu adalah selaras matlamat UPM iaitu mempertingkatkan kualiti dan daya saing graduan.

"Saya berharap supaya program ini dapat meningkatkan jaringan sosial pelajar bersama institusi luar negara bagi mencapai impak

pembelajaran yang lebih tinggi.

"Selain itu, saya berharap pelajar mengaplikasikan ilmu pengetahuan baharu yang didapat melalui program ini seterusnya menyebarkannya kepada rakan dan masyarakat," katanya.

Dua ahli panel jemputan iaitu Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Profesor Juliana Jalaludin dan Pensyarah Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam UNY, Dr Kartika Ratna Pertiwi berkongsi pengalaman serta pendapat berkaitan cabaran selain adaptasi yang perlu dihadapi mahasiswa mahupun pensyarah sepanjang menempuh pembelajaran dalam norma baharu.

Mereka bersepakat bahawa pembelajaran secara maya membawa

kesan positif dan negatif.

Depresi dalam kalangan mahasiswa menjadi satu kebimbangan dalam menjalani kelas maya.

Profesor Juliana berkata, mahasiswa perlu memperkasakan diri dan rakan seperjuangan bagi mewujudkan hubungan antara individu.

"Oleh itu, kami melaksanakan kaedah pengajaran kolaboratif yang dapat mengurangkan beban krisis yang dihadapi mahasiswa secara berseorangan," katanya.

Sementara itu, Dr Kartika berkata, universiti menyediakan khidmat kaunseling secara dalam talian bagi membantu mahasiswa yang mengalami depresi.

"Mahasiswa perlu mempunyai keterbukaan supaya masalah ini dapat dibendung bersama," katanya.